

# HAL EHWAL DAN KEDUDUKAN ISLAM DI INDONESIA

Di dalam keluaran yang lalu saya telah membayangkan perkara-perkara yang mengenai di sekeliling ucapan Presiden Sukarno di Amuntai yang menggamparkan itu. Sekarang saya akan bawa pembaca-pembaca memerhati pendapatan-pendapatan dan keinginan-keinginan daripada orang Masyumi sendiri yang berpendidikan bahawa sekiranya mereka itu akan memegang kekuasaan segala kekacauan yang ada di percayai akan dapat mereka selenggarakan dengan cara yang memuaskan.

(Oleh Edrus)

Tuan Natsir bekas Perdana Menteri Indonesia, yang sekarang menjadi pengerus besar Masyumi tatkala menjawab suatu pertanyaan tentang apakah yang akan dibuat oleh Masyumi terhadap kepada ucapan presiden itu menyatakan bahawa di dalam hal ini hendaklah umat Islam itu jangan dibawa kepada jalan buntu – mereka itu hendaklah dibawa kepada saluran yang bagus supaya jangan mereka terpinga-pinga kehilangan jalan dan sebab itulah Masyumi dengan rasmi telah mengadakan bantahannya kepada perdana menteri, kepada kabinet dan terus kepada presiden dengan menyatakan bahawa langkah atau ucapan yang sedemikian itu menyalahi kepada keadaan dan kedudukan presiden sebagai ketua negara.

“Selain daripada jalan ini dengan cara apakah yang kita dapat membuat?” – tanya Natsir – dengan kerana itulah sekiranya dibuat melebihi daripada sempadan yang tersebut kita akan membawa umat di dalam kebingungan dan di sebalik itu pekerjaan kita yang besar akan tertinggal. Sekalipun begitu dapat di inginkan di mana kedudukan presiden itu dan apa yang terkandung di dalam pengertian presiden tentang agama itu.

Ketika perkara yang tersebut di atas ini saya perbualkan dengan sahabat-sahabat saya di Jakarta baharu-baharu ini terutama atas pendirian presiden yang kerap kali

di dalam ucapannya yang berapi-api itu pernah menyatakan bahawa kalau ada orang yang akan merosak Islam maka “akulah yang terlebih dahulu akan berkorban!” perkataan yang sedemikian ini sebenarnya lemak bunyinya, menarik dan mempengaruhi terutama kepada rakyat jelata yang belum dapat mengukur di mana sebenarnya kedudukan presiden dengan keIslamannya – kata salah seorang sahabat saya.

Ukuran yang patut kita letakkan kepada saksi presiden itu di dalam agamanya tidak boleh kita samakan erti agama yang dipegangnya iaitu apabila disebut Islam maka dengan serta merta orang faham adalah tujuannya iaitu memasukkan segala pentadbiran perseorangan dan umum ke dalam suatu perintah yang disandarkan kepada al-Quran dan al-Hadis iaitu meliputi pemerintahan dan siasah untuk sesuatu negeri. Tetapi faham yang dijalankan oleh presiden – menurut keterangan yang saya dapati, ialah sebagai fahaman orang umum iaitu yang dikatakan Islam itu ialah hal-hal yang meliputi keadaan diri sendiri di dalam rukun ibadat dan seumpamanya dan tidak menjadi kewajipan kepada seseorang pemeluknya itu untuk mendirikan sebuah negara Islam di dalam tanah airnya.


Faham yang sedemikian ini terlampau banyak dipegang oleh orang-orang Islam di Indonesia sehingga banyak daripada mereka itu

menjadi pengikut sosialis, komunis dan sebagainya dan tidak hairan apabila orang Islam sekarang berusaha memberi fahaman kepada rakyat tentang bencana-bencana komunis. Maka komunis di Indonesia mengubah coraknya yakni apabila seorang datang ke rumah al-Amin kerap kali dinyatakan bahawa al-Amin tengah sembahyang – tidak di ketahui apa benarkah ia sembahyang atau tidak tetapi kesannya dakwah itu kepada rakyat jelata yang kurang pengetahuannya di dalam Islam, yang kurang pengetahuannya perbezaan Islam dengan komunis mudah sekali dipengaruhi kerana dijadikan hujah komunis itu konon-kononnya tidak menghalang agama.

Dengan cara yang demikian inilah hidup fahaman-fahaman yang tersebut di dalam banyak bahagian orang-orang yang terkemuka di Indonesia mereka itu banyak mengerjakan ibadat tetapi mereka itu tidak menunaikan kewajipan kepada agamanya bahkan orang-orang cerdik pandainya pula jauh sekali daripada mengetahui hal-hal yang tersebut dan sebab itulah Muhammad Natsir menyatakan bahawa salah satu tujuan Masyumi yang terbesar ialah merapatkan cerdik pandai dengan ulama oleh kerana pada masa yang lampau, yang terbukti daripada keadaan-keadaan yang terjadi, bahawa pihak ulama itu berdiri bersendirian dan jauh daripada pengetahuan umum yang sangat berkawan bagi pembangunan pada masa yang akan datang.

Ahli-ahli agama hanya dapat memasukkan lapangan-lapangan di dalam kementerian agama sedang di dalam pertanian, iktisad dan pentadbiran serta lain-lainnya. Mereka terkebelakang, pada hal menurut ajaran-ajaran Islam kedua-duanya sama berjalan – satu jalan bagi mendapat ketinggian dan kemuliaan agama di seluruh dunia.

Dengan keadaan-keadaan yang demikian itu dapatlah kita mengukur



*Dewan pimpinan Kongres Parti Sarekat Islam Indonesia salah sebuah pertubuhan Islam yang tertua di Indonesia yang telah mengadakan kongres dalam bulan Mac yang lalu di Jakarta. – Gambar Airpost.*

\* \* \*

bagaimana bertanya tanggungan dan bebanan yang di pikul oleh orang-orang Masyumi. Yang demikian ini lebih-lebih lagi apabila di dalam Masyumi itu sendiri masih banyak orang yang “*Limā taqūlūn ma lā tālamūn*” (yang tahu mengatakan tetapi tak tahu mengerjakannya) – yang menjadikan sebab-sebab orang Islam dapat mendatangkan tuduhan-tuduhan yang hebat kepada anggota-anggota Mushimi seperti keadaan yang baharu-baharu ini menjadi ejekan akhbar-akhbar di sana atas langkah semasa al-Rajal, anggota Masyumi dan wali kota Jakarta telah berbimbing tangan dengan perempuan yang bukan muhrimnya dan banyak lagi daripada anggota-anggota mereka itu belum bersih daripada menunaikan kehendak-kehendak dan perintah-perintah agamanya.

Seorang kiai kenalan saya di Jakarta telah pernah berkata kepada saya apabila diadakan kongres di Jogja maka ia diajak bermalam di salah sebuah rumah anggota besar Mushimi. Kiai itu menolak – saya bertanya mengapa tuan menolak – jawabnya anjingnya banyak dan besar-besar berkeliaran di rumahnya – yang demikian telah pun pernah di kritik oleh majalah Kritik dengan berterang-terang.

Inilah perkara yang besar yang dihadapi oleh Natsir

perkara dari dalam ialah perkara di dalam lingkungan sendiri dan perkara dari luar ialah perkara percubaan-percubaan yang terdiri dari bangsa sendiri yang seagama tetapi tidak merasa mempunyai suatu tanggungjawab menyampaikan cita-cita yang tersebut itu iaitu cita-cita mendirikan negara Islam dengan cara undang-undang aman dan damai – tidak sebagaimana cara penumpahan darah sebagaimana yang terjadi atau yang di lakukan oleh Dār al-Islām di Jawa Barat itu.

Marilah kita berbalik tentang perkara ucapan presiden. Muhammad Natsir menyatakan bahawa perkara itu ialah suatu soalan yang besar yang terbit daripada perkara yang besar, dengan adanya perkara yang sedemikian itu dapat lagi menguatkan keinginan dan kepercayaan menghadapi masalah yang besar itu iaitu untuk menentukan kemenangan dalam pilihan umum yang akan datang.

Segala “kekacauan dan yang berbangkit di merata-rata di Indonesia sekarang akan dapat diakhiri atau ditamatkan sekiranya Mushami di dalam pemilihan umum mendapat kuasa yang penuh untuk mentadbirkannya. Undang-undang negara yang ditaja



*Sultan Abdul Hamid yang telah menerima hukuman 10 tahun penjara kerana bershubhat dengan Westerling sedang keluar dari mahkamah. – Gambar Airpost.*

oleh manusia itu saya berani mengatakan tidak dibaca oleh satu dalam seribu orang tetapi undang-undang al-Quran dan pelajaran-pelajaran yang terlingkung di dalamnya dibaca oleh hampir semua peringkat – mereka disuruh berbuat baik, ditegah berbuat jahat dan yang membaca undang-undang itulah mereka itu tahu kepada yang demikian dan jikalau tidaklah dengan pengajaran yang ditinggalkan oleh Islam itu maka keadaan kita tidak ubahnya seperti haiwan” – kata Tuan Safraldin perwira negara di dalam suatu perjumpaan Masyumi di Jakarta baharu-baharu ini.

Dengan pimpinan dan pengajaran Islam itu yang menyuruh umat menjalankan kebaikan itulah masih hidup di dalam jiwa kita semangat-semangat baik yang melorongkan kita sentiasa berbuat baik. Safraldin menyatakan bahawa oleh kerana keadaan-keadaan sekarang bertambah genting tidak lain sebab-sebabnya kerana tidak mendahulukan perkara yang mesti didahulukan. Masalah belanja dan yang begitu besar sekali ertinya untuk keselamatan negara sehingga tahunan telah tiba tidak dirundingkan oleh parlimen sedang perkara-perkara yang lain dibaca sebegitu hebat berbulan-bulan lamanya.

Dengan keadaan yang sedemikian ini bolehkah negara akan selamat? Hanya menurut kepercayaan Safraldin Perwira negara dengan Islam mencapai kekuasaan itulah sahaja negara Indonesia akan dapat diselamatkan dalam masa yang akan datang dan sebab itulah tiap-tiap umat Islam diseru olehnya supaya bekerja di dalam pemilihan umum yang akan datang bagi menentukan corak Islam di Indonesia mengikut semestinya.